

# Buletin SIHAT MADANI

BIL 4/2023



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



**MAJLIS PERASMIAN  
SAMBUTAN HARI WARGA  
EMAS SEDUNIA**



**PERASMIAN KONVENSYEN  
MYCHAMPION@KKM  
PERINGKAT KEBANGSAAN  
2023**



**ISTIADAT  
KONVOKESYEN  
INSTITUT LATIHAN  
KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA  
(ILKKM) 2023**



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## SIDANG PENGARANG BULETIN SIHAT MADANI

**Ketua Pengarang**  
Yamuna Perimalu

**Pengarang**  
Mona Ang

**Pegawai Penyelaras**

### Infografik

Mohd Iswandy bin Wally  
Nor Affah binti Hasbullah

Sidang redaksi Buletin Sihat Madani Bil.3-8/ 2023 merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan Buletin Sihat Madani Bil.3-8/ 2023.

Bagi sebarang maklumat dan pertanyaan,  
sila hubungi:

Sidang Buletin Sihat Madani  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 4, Blok E7  
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8883 3481 / 3675  
Faks : 03-8888 6187  
E-mel : mona.ang@moh.gov.my



<https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>




<https://twitter.com/KKMPutrajaya>



# *Buletin* **SIHAT MADANI**

## **Isi Kandungan**

- 11.** MAJLIS PERASMIAN HARI TERBUKA INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR) 2023
  
- 25.** SAMBUTAN MINGGU KESEDARAN KERINTANGAN ANTIMIKROB SEDUNIA 2023
  
- 34.** PELANTIKAN YB DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD SEBAGAI MENTERI KESIHATAN YANG BAHARU
  
- 47.** MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-15 *PINK UNITY*
  
- 55.** PERASMIAN KONVENSYEN MYCHAMPION@ KKM PERINGKAT KEBANGSAAN 2023



# MAJLIS PELANCARAN SKIM PERUBATAN MADANI & PROGRAM MADANI AFIAT



**Y**AB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Skim Perubatan Madani & Program Madani Afiat Peringkat Kebangsaan 2023 di Bulatan Sultan Azlan Shah Ipoh, Perak pada 1 Oktober 2023.

Skim Perubatan MADANI adalah satu inisiatif penting Dasar Malaysia Madani bertujuan menyediakan akses sama rata perkhidmatan kesihatan yang berkualiti untuk memenuhi keperluan kesihatan kumpulan B40 dalam Penjagaan Kesihatan Primer Akut iaitu rawatan pesakit luar kes-kes akut. Skim ini sejajar dengan inisiatif Bitara MADANI bagi mengatasi isu kesesakan pesakit di fasiliti kesihatan KKM.



Turut hadir, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan, YAB Dato Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak, YB Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu, Menteri Sumber Manusia, Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha KKM, Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan KKM, Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Ketua Pengarah Kesihatan KKM dan Dr. Sirajuddin bin Hashim, Pengarah Kesihatan Negeri Perak.





## PENGANUGERAHAN GELARAN ALUMNI TERSOHOR DARI FAKULTI PERUBATAN (UKM)



Pada 5 Oktober 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah dianugerahkan gelaran Alumni Tersohor dari Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Cheras, Kuala Lumpur.

Pengiktirafan itu bagi meraikan kejayaan dan pencapaian beliau menjawat jawatan tertinggi dalam kerajaan secara khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia selain menyemarakkan semangat dan memberi inspirasi kepada para pelajar perubatan dalam menempuhi cabaran seharian bergelar mahasiswa dan mahasiswi di universiti ini. Dalam majlis tersebut, YB Dr. Zaliha telah menyampaikan syarahan bertajuk “Reformasi Sistem Kesihatan yang Kalis Masa Hadapan” yang menyentuh pelbagai isu kesihatan masyarakat di negara ini dalam mendepani cabaran masa hadapan.

Turut hadir dalam majlis ini adalah pengurusan tertinggi Universiti Kebangsaan Malaysia, pengurusan Fakulti, pegawai kanan Kementerian Kesihatan Malaysia, rakan alumni, para pensyarah dan pelajar dari Fakulti Perubatan UKM.



## PERASMIAN KLINIK BERGERAK MENARA BERKEMBAR “TWIN TOWER’S MOBILE CLINIC” KUALA LUMPUR

Pada 5 Oktober 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah merasmikan Klinik Bergerak Menara Berkembar “*Twin Tower’s Mobile Clinic*” di Kuala Lumpur.

Menurut beliau, inisiatif yang baik ini dapat mendekatkan perkhidmatan kesihatan kepada komuniti selain mengukuhkan kerjasama awam-swasta bagi memperluaskan perkhidmatan penjagaan kesihatan demi manfaat masyarakat. Inisiatif inovatif seperti Klinik Bergerak Menara Berkembar ini menandakan pencapaian penting dalam industri penjagaan kesihatan. Ia bertujuan untuk menangani keperluan penjagaan kesihatan pekerja di sektor perindustrian yang mungkin tidak mempunyai akses mudah kepada kemudahan perubatan.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg. Dato’ Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia.



# LAWATAN KERJA YB MENTERI KESIHATAN KE BENTONG, PAHANG

Pada 6 Oktober 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja beliau ke Bentong, Pahang. YB Dr. Zaliha memulakan lawatan pertama beliau ke Klinik Telemong dan seterusnya Klinik Kesihatan Chemomoi, Bentong, Pahang.

Lawatan ini kerja ini bertujuan untuk melihat lebih terperinci situasi terkini projek pembinaan Pusat Hemodialisis di KK Chemomoi yang telah dikategorikan sebagai projek sakit. Selain itu beliau juga meninjau penambahbaikan yang dilakukan bagi memberi keselesaan kepada pesakit dan petugas-petugas kesihatan.

Turut hadir, YB Puan Young Syefura Othman, Ahli Parlimen Bentong, YBhg. Dato Indera Dr. Norazimi Yunus, Pengarah Kesihatan Negeri Pahang dan YBrs. Dr. Suzana Mohd Hashim, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Pahang (Kesihatan Awam).

## KLINIK TELEMONG



## KLINIK KESIHATAN CHEMOMOI





## HARI KESIHATAN MENTAL SEDUNIA

Tanggal 10 Oktober setiap tahun adalah merupakan Hari Kesihatan Mental Sedunia. Kesihatan Mental sama pentingnya dengan kesihatan fizikal pada 10 Oktober 2023.

Kesihatan mental yang baik amat penting kerana ia boleh mempengaruhi kualiti kehidupan seharian dan produktiviti seseorang jika tidak di tangani secara berkesan. Pada tahun ini, tema bagi Hari Kesihatan Mental adalah “Kesihatan Mental Milik Semua, Hentikan Stigma”. Bersempena dengan Hari Kesihatan Mental Sedunia semalam, YAB Perdana Menteri telah memakai riben hijau yang merupakan simbol solidariti sebagai tanda sokongan terhadap individu yang mempunyai masalah kesihatan mental. Riben tersebut telah dipakaikan oleh YB Menteri Kesihatan semasa majlis pemakaian riben hijau di Dewan Parlimen semalam yang turut dihadiri oleh Dato’ Seri Dr Wan Azizah serta barisan Ahli Parlimen yang lain.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) komited dalam memberikan kesedaran berterusan berkaitan kesihatan mental dan menghentikan stigma bagi memastikan masyarakat lebih terbuka mengenai kesihatan mental dan mendapatkan rawatan awal bagi mereka yang memerlukan. Kesihatan Mental Milik Semua, Hentikan Stigma.





# PERASMIAN KARNIVAL SEGAMAT SIHAT SEMPENA HARI SUKAN NEGARA, HARI KESIHATAN MENTAL SEDUNIA DAN BULAN KESEDARAN KANSER



Y B Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah hadir merasmikan Karnival Segamat Sihat sempena Hari Sukan Negara, Hari Kesihatan Mental Sedunia dan Bulan Kesedaran Kanser Peringkat Daerah Segamat Tahun 2023 di Dataran Segamat, Johor pada 14 Oktober 2023.



Program Hari Sukan Negara 2023 merupakan antara salah satu agenda kerajaan bagi merealisasikan Visi Sukan Negara 2030 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Sukan dan menjadi pendorong kepada rakyat untuk hidup lebih sihat, aktif, dan berdaya saing. Selain daripada aktiviti secara fizikal, masyarakat tidak boleh meminggirkan aspek kepentingan kesihatan mental kerana kesihatan mental dan fizikal saling bergantung antara satu sama lain dan merupakan aspek penting dalam kehidupan. Pasca pandemik *Covid19* merupakan titik tolak kepada peningkatan kes berkaitan masalah mental. Tema sambutan Hari Mental Sedunia tahun ini adalah “Kesihatan Mental Milik Semua, Hentikan Stigma”.



Turut hadir Tuan Haji Mohd Helmi bin Dato' Haji Sha'ri @ Shangari, Pentadbir Tanah Segamat selaku wakil rasmi Pegawai Daerah Segamat, YB Puan Ng Kor Sim, ADUN Jementah, YM Ungku Mohd Tahir bin Ungku Mohd Zakaria, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Segamat, YBrs Dr Zaid bin Kassim, Pegawai Kesihatan Daerah Segamat, Encik Maizatul Asrul bin Mohd Yunos, Pegawai Belia dan Sukan Daerah Segamat, YH Supt Ahmad Zamry bin Marinsah, Ketua Polis Daerah Segamat dan YBhg Dato' Dr Aman bin Rabu, Penasihat





## MESYUARAT JAWATANKUASA RANTAU PASIFIK BARAT PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA KE-74

**Y**B Dr Zaliha Mustafa dan delegasi Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Rantau Pasifik Barat Pertubuhan Kesihatan Sedunia ke-74 di Ibu Pejabat Sekretariat WHO di Manila, Filipina yang telah bermula pada 16 Oktober 2023.

Dalam kenyataannya kepada jawatankuasa tersebut, YB Dr. Zaliha Mustafa antara lain telah menyatakan komitmen negara dalam memastikan liputan kesihatan sejangat yang memberi tumpuan kepada kesihatan dan kesejahteraan penduduk. YB Dr Zaliha turut menyatakan bahawa Malaysia telah melancarkan inisiatif Skim Perubatan MADANI yang memberikan rawatan percuma kepada penduduk yang kurang berkemampuan di klinik kesihatan swasta. Selain itu, YB Dr Zaliha juga telah berkongsi mengenai program Madani Afiat yang bertujuan untuk menyebarkan maklumat asas pencegahan penyakit dan program promosi kesihatan kepada orang ramai yang terdiri daripada pemeriksaan kesihatan dari pintu ke pintu dan pameran kesihatan di komuniti tempatan.

Mesyuarat ini pula telah menyaksikan kemenangan TYT Dr. Saia Ma'u Piukala daripada Tonga untuk menjawat jawatan *Regional Director*, Pertubuhan Kesihatan Sedunia Rantau Pasifik Barat. Antara calon-calon lain yang turut bertanding jawatan tersebut adalah calon-calon dari Filipina, Solomon Islands, China dan Vietnam. Malaysia berharap kerjasama baik di antara Malaysia dan WHO akan kekal utuh di bawah pimpinan *Regional Director* yang baharu ini.



## MAJLIS PERASMIAN HARI TERBUKA INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR) 2023



Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Aziz Shah Al-haj dan Tengku Permaisuri Selangor dengan diiringi oleh YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan berkenan menyempurnakan Majlis Perasmian Hari Terbuka Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) 2023 sempena ulang tahun IMR ke-123 di Institut Kesihatan Negara, Setia Alam, Selangor pada 19 Oktober 2023.

IMR telah menjadi pusat kecemerlangan dalam pelbagai bidang penyelidikan sejak ditubuhkan pada tahun 1900. Sebagai sebuah institusi penyelidikan bioperubatan terkemuka negara, fokus penyelidikan IMR tidak hanya tertumpu kepada penyakit tropika, tetapi kini beralih kepada disiplin bioperubatan seperti kanser, perubatan herba, imunologi dan penyakit autoimun, kencing manis dan sindrom metabolik, penyelidikan sel dan kesihatan alam sekitar yang sejajar dengan perubahan beban kesihatan dan perkembangan teknologi perubatan di Malaysia.

Turut hadir ialah YB Dato' Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia, YBhg. Dato' Indera Dr. Shaari bin Ngadiman, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan YBrs. Dr. Tahir bin Aris, Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan.

# ISTIADAT KONVOKESYEN INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (ILKKM) 2023



Pada 21 Oktober 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan Malaysia telah menyempurnakan Istiadat Konvokesyen Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) 2023 di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Sultan Azlan Shah, Perak. Istiadat konvokesyen Zon Semenanjung ini akan diadakan selama 4 hari berturut-turut dengan jumlah sebanyak 8 sidang (sesi pagi dan sesi petang).

YB Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Sidang Pertama dengan menyerahkan sijil kepada sejumlah 881 graduan daripada jumlah keseluruhan 6,120 graduan pelbagai program pengajian di ILKKM Zon Semenanjung. Tema Istiadat pada tahun ini adalah “Graduan ILKKM Cemerlang, Pendukung Kesihatan Madani” seiring dengan konsep Malaysia MADANI dan bertepatan dengan matlamat KKM untuk menghasilkan tenaga kerja kesihatan yang terlatih dan kompeten sebagai pendukung sistem penyampaian kesihatan negara.

Turut hadir, YBhg. Dato’ Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia, YBrs. Puan Noor Aini binti Ahmad, Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan YBrs. En. Wan Hairuddin Bin Che Wan Mohd Yassin, Pengerusi Jawatankuasa Istiadat Konvokesyen Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) 2023 Zon Semenanjung.



# LAWATAN KERJA YB MENTERI KESIHATAN HOSPITAL BAHAGIA ULU KINTA, PERAK.

Pada 21 Oktober 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan Kerja ke Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak.

Hospital Bahagia dibina pada Tahun 1909 dengan nama *Federal Lunatic Asylum* dan mula beroperasi pada Tahun 1911. Pada tahun 1928, nama *Federal Lunatic Asylum* telah ditukarkan kepada Central Mental Hospital Tanjong Rambutan dan seterusnya pada tahun 1971 bertukar nama kepada Hospital Bahagia Ulu Kinta (HBUK).

Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia, YBrs. Dr. Sirajuddin bin Hashim, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perak, YBrs. Dr. Calvin Singh A/I Jeswant Singh, Pengarah Pentadbir/ Klinikal dan YBrs. Dr. Ian Lloyd Anthony, Pakar Perunding Forensik Psikiatri.





## SAMBUTAN HARI KESIHATAN MENTAL SEDUNIA

YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan menyempurnakan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2023 Peringkat Kebangsaan di *The Curve*, Damansara pada 22 Oktober 2023.

Tema sambutan tahun ni, “Kesihatan Mental Milik Semua, Hentikan Stigma” menekankan usaha untuk menoktahkan stigma dan persepsi negatif terhadap individu yang mempunyai masalah atau penyakit mental yang menyebabkan mereka tidak tampil mendapatkan bantuan profesional yang diperlukan. Majlis turut menyaksikan pelancaran “Kempen Kesihatan Mental Milik Semua, Hentikan Stigma” yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kesihatan mental dan usaha menangani stigma dan diskriminasi terhadap individu yang mempunyai masalah kesihatan mental.

Turut hadir, YB Dato’ Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Dato’ Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha KKM, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan dan YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam).



# PERJANJIAN PERSEFAHAMAN BERSAMA INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA (NIOSSH)

Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) telah menandatangani satu perjanjian persefahaman bersama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSSH) bagi tujuan kolaborasi pemerkasaan kesihatan mental di tempat kerja di NIOSSH, Bangi, pada 1 November 2023.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah melancarkan ciri baharu di aplikasi MySejahtera pada Oktober lalu iaitu MyMinda sebagai salah satu intervensi awal psikososial yang dapat dicapai dihujung jari khususnya warga kerja yang memerlukan khidmat nasihat berkenaan kesihatan mental. Majlis bersejarah ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBrs Tuan Haji Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSSH serta disaksikan oleh YB Tuan V. Sivakumar, Menteri Sumber Manusia dan YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKM, YBhg. Dato' Hajah Norison Ramli, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), YBhg. Dato' Haji Amran Bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) dan YBrs. Dr Nurashikin Ibrahim, Ketua Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan.



# PELANCARAN TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN PERKHIDMATAN AWAM



Pelancaran Tabung Kemanusiaan Palestin Perkhidmatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia telah disempurnakan oleh YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan yang turut menerima sumbangan daripada Program Kesihatan Awam, Kelab Sukan Kebajikan Ibu Pejabat KKM (KESKIP) dan PUSPANITA KKM di Ibu Pejabat KKM pada 3 November 2023.

Inisiatif ini juga merupakan kesinambungan daripada Tabung Kemanusiaan Palestin bagi Perkhidmatan Awam yang telah dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 24 Oktober 2023 yang lalu. Sumbangan yang dapat dikumpulkan akan diserahkan kepada pihak Kementerian Luar Negeri selaku pemegang mandat untuk mengumpul, menyelaras, dan menyalurkan sumbangan kemanusiaan daripada rakyat Malaysia kepada Rakyat Palestin.

Hadir bersama adalah YBhg. Dato' Seri Ir Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Zainal Alhakab bin Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Dato' Seri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) dan pengurusan tertinggi KKM.







## MAJLIS PELANCARAN KEMBARA SIHAT SEJAHTERA HEPI LI BERSAMA *DIDI & FRIENDS* 2023

Pada 4 November 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Kembara Sihat Sejahtera HePiLI Bersama *Didi & Friends* 2023 di Putrajaya.

Program Promosi Kesihatan bersama *Didi & Friends* merupakan inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat khususnya kanak-kanak dalam menjadikan hidup sihat sebagai budaya hidup. Kembara ini akan dilaksanakan secara bersiri di setiap zon bermula dengan zon tengah iaitu di *IOI City Mall*, Putrajaya (program kita pada hari ini), zon utara (Kedah), zon selatan (Johor), zon Sarawak, zon Sabah dan zon pantai timur (Kelantan).

Turut hadir YBhg Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg Dato' Sri Norazman Ayob Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBhg Datuk Dr. Norhayati binti Rusli Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBhg Datuk Dr Nor Fariza binti Ngah Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal).



# MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KELUARGA KEBANGSAAN (BKK) TAHUN 2023

**Y**AB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia merasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) Tahun 2023, di Dataran Putrajaya yang turut dihadiri YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan pada 4 November 2023 .

Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) 2023 merupakan platform penting bagi menghargai kepentingan institusi keluarga sebagai asas cerminan kepada masyarakat yang stabil dan sejahtera. Tema Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan Tahun 2023 iaitu “Keluarga Harmoni, Negara MADANI” sememangnya sinonim dan seiring dengan modernisasi dalam kehidupan masyarakat masa kini.

BKK turut disambut di setiap negeri sepanjang November sebagai tanda sokongan dan kerjasama strategik rentas agensi, jabatan dan kementerian dalam memartabatkan institusi keluarga.



# PERASMIAN PROGRAM MINI KARNIVAL MADANI AFIAT 2023 PERINGKAT DAERAH SEGAMAT

YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah merasmikan program Mini Karnival Madani Afiat 2023 peringkat Daerah Segamat di Taman Fajar, Bukit Siput pada 5 November 2023.

Bersempena dengan program Mini Karnival ini, YB Menteri Kesihatan turut meluangkan masa mengadakan lawatan 'ziarah kasih' ke rumah-rumah pesakit di sekitar Bukit Siput. Pelbagai aktiviti menarik seperti ujian saringan kesihatan, saringan kesihatan mental, pameran kesihatan dan sebagainya telah diaturkan bagi manfaat komuniti setempat.

Turut hadir YBhg Tn. Hj. Mohd Helmi bin Dato' Hj. Sha'ri @ Shangari, Pentadbir Tanah Segamat merangkap wakil rasmi Pegawai Daerah Segamat dan YBrs. Dr Zaid bin Kassim, Pegawai Kesihatan Daerah Segamat.





## MAJLIS ANUGERAH INOVASI PERDANA SEKTOR AWAM (AIPSA) TAHUN 2023

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengadakan Majlis Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) Tahun 2023 di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC) yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia yang turut dihadiri oleh YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan pada 8 November 2023.

Dalam majlis ini KKM telah memenangi 2 kategori iaitu tempat kedua terbaik dimenangi oleh Institut Kesihatan Negara bagi kategori AInSA di bawah Sosial: *Cofe* – Aplikasi Pra-Saringan *Covid-19* Atas Talian Melalui Bunyi Batuk dan Kecerdasan Buatan (AI) dan tempat ketiga bagi Bidang Penyampaian Perkhidmatan Kategori Penciptaan dimenangi oleh Pejabat Pergigian Daerah Jempol.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri (I dan II), Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, YBhg Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia dan YBhg. Dato' Zainal Alhakab bin Seman, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Kementerian Kesihatan Malaysia.



# MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN HARI INTEGRITI DAN LAFAZ IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) TAHUN 2023



YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Integriti dan Lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Tahun 2023 di Putrajaya. Sambutan Bulan Integriti KKM tidak terhad di peringkat Ibu Pejabat sahaja malah turut diraikan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri, institusi dan agensi dalam memperkasakan lagi nilai integriti perkhidmatan pada 15 November 2023.

Lafaz Ikrar Bebas Rasuah telah dizahirkan oleh warga kerja KKM yang diketuai oleh YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha KKM bersempena dengan sambutan Hari Integriti KKM Tahun 2023. IBR merupakan salah satu inisiatif yang diilhamkan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), bertujuan untuk memberi penekanan dan meningkatkan iltizam penjawat awam dalam menjauhi sebarang perlakuan jenayah rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa.

Turut hadir ialah YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, Ketua Setiausaha KKM, Pengurusan Tertinggi KKM dan YBhg. Dato' Sri Ahmad Khusairi bin Yahya, Timbalan Ketua Pengarah SPRM (Operasi).



# LAWATAN KERJA YB MENTERI KESIHATAN KE NEGERI SEMBILAN

Pada 15 November 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban, Negeri Sembilan.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk meninjau status kemajuan pelaksanaan Projek Naiktaraf Sistem Bekalan Gas Perubatan, Sistem Pendingin Hawa Berpusat, Sistem Pencegahan Kebakaran, Sistem Pendawaian Elektrik di Bangunan Utama Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban, Negeri Sembilan. Projek ini melibatkan wad di aras 1 sehingga 8, Jabatan Kecemasan dan Trauma serta Podium.

Turut hadir, YB Tengku Hajah Zamrah binti Tengku Sulaiman, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Perpaduan, Penerangan, Integrasi Nasional dan NGO, YBhg. Dato' Dr. Mohd Azman bin Yacob Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan KKM, YBhg. Dato' Dr. Harlina binti Abdul Rashid Pengarah Kesihatan Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, YBhg. Dato' Dr. Zaleha binti Md. Noor Pengarah Hospital Tuanku Ja'afar Seremban.





## PERASMIAN HOSPITAL UCSI, BANDAR SPRINGHILL, PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir bersama Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud telah berkenan merasmikan Hospital UCSI, Bandar Springhill, Port Dickson pada 15 November 2023.

Majlis yang meriah ini juga turut dihadiri oleh YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan. Hospital UCSI merupakan sebuah hospital swasta terbaharu di Negeri Sembilan dan hospital ini menawarkan rawatan penjagaan kesihatan bertaraf dunia. Selaras dengan Kertas Putih Kesihatan (HWP) yang bertujuan untuk mereformasikan sistem penjagaan kesihatan negara bagi meningkatkan tahap kesejahteraan dan kesihatan rakyat, antara perkara penting yang ditumpukan adalah berkenaan kepentingan kerjasama awam dan swasta dalam perkhidmatan kesihatan. Kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama hospital swasta seperti Hospital UCSI dapat melahirkan sinergi yang baik dan mampu menjayakan beberapa fokus yang telah termaktub dalam Kertas Putih Kesihatan



# MAJLIS MALAM MESRA KENANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA TAHUN 2023



**Y**B Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan hadir meraikan Majlis Malam Mesra Kenangan Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2023 di Sepang pada 16 November 2023.

Majlis Malam Mesra Kenangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan Majlis bagi menghargai dan meraikan seramai 67 orang pesara KKM, iaitu seramai 52 orang bersara wajib dan 15 orang bersara secara pilihan pada tahun 2023. YB Menteri mengucapkan 'Selamat Maju Jaya' kepada para pesara. Semoga para pesara terus cemerlang walau dalam apa jua bidang dan terus menyumbang kepada nusa dan bangsa.

Turut hadir YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha, YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan serta Pengurusan Tertinggi KKM.







## SAMBUTAN MINGGU KESEDARAN KERINTANGAN ANTIMIKROB SEDUNIA 2023



Pada 18 November 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan sambutan Minggu Kesedaran Kerintangan Antimikrob Sedunia 2023 Peringkat Kebangsaan dan pelancaran Pelan Tindakan Kerintangan Antimikrob Malaysia (*MyAP-AMR*) 2022-2026 di Serdang.



Bertemakan “Bersama Mencegah Kerintangan Antimikrob”, kempen ini menekankan keperluan kerjasama merentasi semua sektor melalui pendekatan secara *One Health*, iaitu usaha kolaboratif yang melibatkan pelbagai disiplin yang bekerjasama untuk mencari penyelesaian yang memberi manfaat kepada kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan dan alam sekitar.



Turut hadir, YBrs. Dr Rabindra Abeyasinghe, wakil WHO Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura, YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Datuk Azah Hanim Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YBhg. Datuk Dr Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg. Datuk Dr Nor Fariza Ngah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) dan YBrs. Dr Suratn Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan), Jabatan Perkhidmatan Veterinar.



## MAJLIS PELANCARAN PROGRAM MADANI AFIAT DAN JELAJAH AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS) PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

**Y**B Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Madani Afiat dan Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Peringkat Negeri Pulau Pinang 2023 di SMK Bukit Gambir pada 19 November 2023.

Program Madani Afiat yang ketujuh ini merupakan salah satu inisiatif untuk turun padang bertemu rakyat dalam menyebarkan maklumat asas pencegahan dan hebahan program-program Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Selain itu, Jelajah ANMS juga turut diketengahkan pada program kali ini dengan memfokuskan kepada aktiviti statik yang memberi peluang kepada agensi yang terlibat untuk mengadakan aktiviti pameran, perkhidmatan, saringan kesihatan, saringan kecergasan dan sebagainya.

Turut hadir, YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang Merangkap ADUN Padang Lalang, YB Tuan Fahmi Bin Zainol, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Agroteknologi & Keterjaminan Makanan & Pembangunan Koperasi Merangkap ADUN Pantai Jerejak, YB Tuan Kumaresan a/l Aramugam ADUN Batu Uban, YB Dr Lingeswaran a/l Dato' Seri R Arunasalam Senator, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKM, YBhg. Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) KKM dan YBrs. Dr. Fazilah binti Shaik Allaudin, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang.





## MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TANPA MENINGGALKAN SESIAPAPUN: MENOKTAHKAN KANSER SERVIKS



Pada 23 November 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah hadir ke Majlis Pelancaran Program Tanpa Meninggalkan Sesiapapun: Menoktahkan Kanser Serviks dianjurkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan Parlimen (JKPK), Dewan Rakyat dan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) di Parlimen.

Majlis ini diadakan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai berkenaan risiko kanser serviks. Program ini juga merupakan pelengkap kepada Program Imunisasi Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mensasarkan golongan berisiko di seluruh negara dengan kerjasama sektor awam, swasta, serta Badan Bukan Kerajaan (NGO). Kanser serviks atau barah pangkal rahim merupakan kanser ketiga (3) tertinggi dalam kalangan wanita muda di Malaysia selepas kanser ovari dan payudara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 40% kes kanser serviks dikesan pada tahap 3 atau 4. Kelewatan dalam pengesanan kanser ini memberi cabaran tambahan dalam usaha rawatan dan pemulihan kepada individu yang dijangkiti.

Turut hadir bagi memeriahkan majlis, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Puan Alice Lau Kiong Yieng, dan ahli-ahli Parlimen.

# MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN SYARIKAT KONSESI UNTUK TABUNG KEMANUSIAAN PALESTIN

YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Sumbangan Syarikat Konsepsi untuk Tabung Kemanusiaan Palestin Perkhidmatan Awam Kementerian Kesihatan Malaysia di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya pada 24 November 2023.

Inisiatif ini merupakan kesinambungan daripada Tabung Kemanusiaan Palestin bagi Perkhidmatan Awam Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah dilancarkan oleh YB Menteri Kesihatan pada 3 November 2023 yang lalu. Sebagai menyokong usaha tersebut, tujuh (7) syarikat yang terdiri daripada *Quantum Medical Solutions Sdn Bhd*, *FOMEMA Sdn Bhd*, *Medivest Sdn Bhd*, *Edgenta Mediserve Sdn Bhd*, *Radicare (M) Sdn Bhd*, *Sedafiat Sdn. Bhd.* dan *One Medicare Sdn. Bhd.* menyumbang sebanyak RM 407,000.00 kepada Tabung Kemanusiaan Palestin bagi Perkhidmatan Awam Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sementara itu, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) turut menyerahkan *Mock-Cheque* sumbangan daripada warga Kementerian Kesihatan Malaysia berjumlah RM332,422.00 kepada YB Menteri Kesihatan Malaysia.



# LAWATAN KERJA YB MENTERI KESIHATAN KE TERENGGANU

**Y**B Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke fasiliti- fasiliti kesihatan yang terdapat di daerah Kemaman, Terengganu.

Lawatan telah dimulakan dengan melawat Hospital Kemaman bagi meninjau pengoperasian harian hospital ini. YBMK telah diberi taklimat oleh Pengarah Hospital Kemaman berkaitan pengoperasian hospital sedia ada dan perkembangan terkini projek pembinaan hospital kemaman yang baharu. Seterusnya YBMK telah dengan melawat ke Klinik Desa Binjai dan Klinik Kesihatan Air Putih. Kedua - dua klinik ini tersenarai di bawah Inisiatif Pembaikan Klinik dan Fasiliti Daif KKM.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk meninjau dengan lebih dekat keadaan klinik-klinik yang telah siap dibaiki, memantau kemajuan projek-projek yang sedang berjalan dan meneliti perancangan pembangunan fasiliti kesihatan di Kemaman.

## HOSPITAL KEMAMAN



## KLINIK DESA BINJAI & KLINIK KESIHATAN AIR PUTIH





## MAJLIS MAKAN MALAM AMAL BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN ULANG TAHUN YANG KE-10 INSTITUT KANSER NEGARA

Institut Kanser Negara (IKN) telah menganjurkan sebuah majlis makan malam amal bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun yang ke-10 di Serdang, Selangor pada 27 November 2023.

Program ini turut diserikan dengan kehadiran YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail yang turut menyempurnakan pelancaran buku *coffee table* yang bertajuk "Dasawarsa Nostalgia 10 tahun IKN" dan dihadiri oleh YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan. Penganjuran program ini adalah untuk mengumpul dana bagi membantu para pesakit kanser selain meraikan kejayaan yang dicapai sepanjang 10 tahun IKN beroperasi bersama-sama kakitangan, pesakit dan rakan-rakan strategik IKN.

YB Dr. Zaliha Mustafa telah berkesempatan memberi penghargaan kepada beberapa organisasi yang menyumbang secara signifikan kepada pesakit IKN iaitu Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM), Yayasan Budi Penyayang Malaysia (PENYAYANG), Pertubuhan Amal Uncle Kentang (Uncle Kentang), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Nor Fariza binti Ngah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal), YBrs. Dr. Mohd Anis bin Haron@Harun, Pengarah Institut Kanser Negara, YBhg. Dato' Leela binti Mohd Ali, Yayasan Budi Penyayang Malaysia dan YBhg. Dato' Dr. Asmayani binti Khalib, Mantan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan).

# SESI TAKLIMAT BERKAITAN RANG UNDANG-UNDANG (RUU) KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2023

**Y**B Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menghadiri Sesi Taklimat Berkaitan Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 bersama ahli-ahli Parlimen dan pengamal-pengamal media di Parlimen hari ini.

Kedua-dua sesi ini menjelaskan berkenaan Rang Undang-Undang (RUU) terdahulu bernombor yang telah ditarik balik daripada Aturan Urusan Mesyuarat bagi memberi laluan kepada RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 baharu yang dibentangkan bagi bacaan pertama di Dewan Rakyat hari ini.

Turut hadir, YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam).





## UPACARA PENYERAHAN SUMBANGAN BEKALAN PERUBATAN DARI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA KEPADA SEKRETARIAT OPS IHSAN

Pada 8 Disember 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Upacara Penyerahan Sumbangan Bekalan Perubatan Dari Kementerian Kesihatan Malaysia kepada Sekretariat OPS Ihsan di Depot Simpanan Pertahanan Sungai Buloh.

Ops Ihsan merupakan satu operasi bantuan kemanusiaan melalui kerjasama lebih 50 pertubuhan / badan bukan kerajaan (*non-governmental organization / NGO*) Malaysia dengan objektif bagi memastikan penyaluran bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin dari rakyat Malaysia dapat dilaksana dalam keadaan yang lebih tersusun dan efektif. Ops Ihsan telah berjaya menghantar dua (2) *sortie* barangan bantuan dari Malaysia; penghantaran pertama adalah pada 3 November 2023 seberat 20 tan dan penghantaran kedua pada 10 November 2023 juga seberat 20 tan. Bagi *sortie* ketiga ini, KKM komited untuk menghulurkan sumbangan dalam bentuk ubat-ubatan dan bekalan consumables perubatan yang amat diperlukan oleh rakyat Palestin

Turut hadir TYT Ragai Tawfik Said Nasr, Duta Besar Republik Arab Mesir ke Malaysia, TYT Walid Abu Ali, Duta Besar Palestin ke Malaysia, YBhg Datin Roszanina binti Wahab, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pertahanan, YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Kementerian Kesihatan Malaysia, YBhg. Dato' Dr. Mohd Azman bin Yacob, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Zahairi bin Baharim, Setiausaha Bahagian Asia Barat Kementerian Luar Negeri





# PELEPASAN MOBILISASI MADANI AFIAT DAN SARINGAN KESIHATAN DARI RUMAH KE RUMAH

YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Pelepasan Mobilisasi Madani Afiat dan Saringan Kesihatan dari rumah ke rumah di Flat PPR Kampung Muhibbah dan juga di Dewan Rukun Tetangga Taman Salak Selatan di Bukit Jalil sempena Program Setahun Bersama Kerajaan Malaysia MADANI pada 10 Disember 2023.

Saringan kesihatan yang diketuai oleh YB Menteri Kesihatan ini melibatkan 135 orang jururawat dan 50 orang Pegawai Farmasi. Sebanyak 380 buah rumah meliputi kawasan PPR Kg Muhibbah, PPR Raya Permai; PPR Bukit Jalil, Apartment Kuchai Lama dan Taman Yarl. Petugas kesihatan juga akan menjalankan pemeriksaan ubat-ubatan, khidmat nasihat keselamatan ubat, penjagaan ubat dan sebagainya. Beberapa aktiviti tambahan turut dijalankan di dewan ini seperti pemberian imunisasi COVID-19 dan juga saringan HPV secara percuma kepada penduduk sekitar yang hadir.

Turut hadir, YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YB Teresa Kok Suh Sim, Ahli Parlimen Seputeh, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Datuk Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBrs. Dr. Nor' Aishah binti Abu Bakar, Pengarah Kesihatan Negeri WP Kuala Lumpur.



# PELANTIKAN YB DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY AHMAD SEBAGAI MENTERI KESIHATAN YANG BAHARU



Pada 13 Disember 2023, YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan hadir ke Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia di Putrajaya bagi memulakan tugas rasmi sebagai Menteri Kesihatan baharu. YB Menteri Kesihatan telah mengimbas Kad Perakam Waktu (*clock in*) sebagai simbolik permulaan tugas rasmi.

Ketibaan YB Menteri Kesihatan telah disambut oleh YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan Malaysia.





## MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Pada 14 Disember 2023, YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan hadir ke Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Putrajaya.

Dalam ucapan, beliau mengimbas kembali pencapaian dan kejayaan KKM di bawah kerajaan MADANI antaranya penambahbaikan sistem kesihatan bagi memastikan sistem kesihatan di Malaysia lebih berkualiti, mampan dan berdaya tahan, Skim Perubatan MADANI yang memanfaatkan 700 ribu rakyat serta memberikan perkhidmatan dengan pembiayaan di bawah SPM kepada 146,092 isi rumah serta 436 klinik daif yang telah dibaik pulih dan dinaik taraf di seluruh negara. majlis turut menyaksikan penyampaian pengiktirafan Klinik Kesihatan *Best Practice* Perkhidmatan Kesihatan Mesra Remaja (PKMR) kepada 24 buah Klinik Kesihatan dari 7 buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Sarawak, Sabah, Terengganu, Perak, Kedah dan Johor. PKMR memberikan perkhidmatan saringan kesihatan, pendidikan serta promosi kesihatan, khidmat nasihat atau kaunseling, rawatan dan rujukan kepada remaja secara professional, mesra dan menjaga kerahsiaan.

Turut hadir, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha KKM, YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKM, YBhg. Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBhg. Datuk Dr. Nor Fariza Binti Ngah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal).

# PERSIAPAN TERAKHIR BANTUAN KEMANUSIAAN YANG DIATUR SELIA OLEH OPS IHSAN UNTUK WARGA PALESTIN DI GAZA



KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibnu Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berangkat bagi menyaksikan persiapan terakhir bantuan kemanusiaan yang diatur selia oleh Ops Ihsan untuk warga Palestin di Gaza bertempat di *I-Secure*, MAS Kargo, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 18 Disember 2023.

Majlis yang cukup bermakna ini turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan dan YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Penerbangan bantuan kemanusiaan yang menggunakan pesawat A330-200 Mas Kargo melibatkan muatan barang sebanyak 60 tan yang terdiri daripada 35.57 tan barangan perubatan, 6.62 tan makanan sedia dimakan (*ready-to-eat*), 4.35 tan barangan keperluan bayi dan 13.46 tan persiapan musim sejuk termasuk tilam, selimut dan kit wanita. Barangan ini merupakan sumbangan daripada pelbagai pihak, termasuk barangan perubatan sebanyak 20.3 tan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.



Turut hadir pada majlis menyaksikan persiapan terakhir ini adalah YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri I, YB Datuk Mohamad bin Alamin, Timbalan Menteri Luar Negeri dan YBhg. Datin Azura Binti Ibrahim, Pengarah Sortie OPS Ihsan.

# LAWATAN KERJA YB MENTERI KESIHATAN KE BILIK GERAKAN BANJIR KELANTAN

Pada 30 Dis 2023, YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke negeri Kelantan.

Antara PPS yng YB Menteri melakukan tinjauan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) banjir adalah di SK Gual Tok Dek, SMK Baroh Pial, Pasir Mas, SMK Chabang Empat Tok Mek Ngah, Tumpat, dan SK Jeli 1. YB Menteri meninjau persiapan KKM dalam memberikan perkhidmatan bantuan kesihatan dan khidmat nasihat dari segi kesihatan mental kepada penghuni PPS disamping beramah mesra bersama penghuni di PPS berkenaan.

YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan juga telah meninjau persiapan pengoperasian Klinik Kesihatan Kok Lanas, Kota Bharu, Kelantan.

YB Menteri Kesihatan diiringi YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Ruslin, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBhg. Dato' Dr Zaini bin Hussin, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan disambut oleh Dr. Sharina binti Dir, Pegawai Kesihatan Daerah Kota Bharu dan Dr Roslina binti Mat Yeh, Pegawai Perubatan yang Menjaga (PPYM) Klinik Kok Lanas

## PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) DI PASIR MAS



## PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) DI TUMPAT



## PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS) DI JELI



## KLINIK KESIHATAN KOK LANAS



# MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI WARGA EMAS SEDUNIA

Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibn Almarhum Sultan Salahuddin Aziz Shah Al-haj dan Tengku Permaisuri Selangor dengan diiringi oleh YB Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan berkenan menyempurnakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Warga Emas Sedunia Peringkat Negeri Selangor Tahun 2023 dan Kempen Sihat Milik Selangor 3.0 di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam, Selangor pada 1 Oktober 2023.

Malaysia bakal mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila 15% daripada jumlah penduduk berumur 60 tahun dan ke atas. Menurut Jabatan Perangkaan Negara, pada tahun 2022, Negeri Selangor mempunyai penduduk berusia 60 tahun dan ke atas yang tertinggi di Malaysia, iaitu sebanyak 11.5%. Dalam usaha untuk menggalakan pembudayaan hidup sihat, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Kempen Sihat Milik Selangor (SMS) yang merupakan satu program outreach untuk komuniti di negeri Selangor yang bertemakan 'Rakyat Sejahtera Selangor Ceria'.

Turut hadir bersama ialah YAB Dato' Seri Amirudin bin Shaari, Menteri Besar Selangor, YB Dato' Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YBhg. Dato' Sri Norazman Bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan Kementerian Kesihatan Malaysia, YBhg Dato' Dr Asmayani binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBhg. Dato' Indera Dr. Shaari Bin Ngadiman, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Yang Teramat Mulia Dato' Dr Tunku Muzafar Shah Tunku Jaafar Laksamana, Ketua Perkhidmatan Geriatrik Kebangsaan.





## MAJLIS SAMBUTAN HARI KESEDARAN KANSER PAYU DARA 2023

Pada 10 Oktober 2023, YB Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Kesedaran Kanser Payu Dara 2023 di Putrajaya.

Di Malaysia, kanser payudara merupakan kanser utama yang menyerang wanita dan juga antara penyebab kematian utama dalam kalangan wanita. KKM menyediakan perkhidmatan pemeriksaan klinikal payu dara (PKP) atau *clinical breast examination (CBE)* kepada semua wanita berumur 20 tahun ke atas dan pemeriksaan mammogram kepada wanita berisiko tinggi. Perkhidmatan ini disediakan di semua klinik kesihatan dan klinik desa yang mana pemeriksaan dilakukan oleh anggota kesihatan wanita pada kekerapan yang ditetapkan.

Sempena Sambutan Hari Kesedaran Kanser Payudara pada tahun ini, tema "*Together We Rise*" adalah menjadi hasrat KKM agar semua pemegang taruh yang terlibat dapat menjadi pemangkin untuk melaksanakan tanggungjawab secara bersama dalam meningkatkan kesedaran dan aktiviti pengesanan awal kanser payudara. Turut hadir, YBhg. Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBrs. Dr. Mohd Safiee bin Ismail, Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga.





# PERASMIAN KARNIVAL SUKAN KEBANGSAAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Y B Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Karnival Sukan Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia sempena Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (BMSS) Tahun 2023 di Stadium Mount Austin Johor Bahru pada 26 Oktober 2023.

Mini Karnival Kecergasan (KKM) telah dilaksanakan sejak bulan Jun 2023 lalu di mana negeri Perlis sebagai Tuan Rumah Pertama bagi sukan berbasikal. Kesenambungan daripada itu, pelbagai acara turut dipertandingkan di negeri-negeri lain dan akan berakhir dengan majlis penutupan bagi Karnival Sukan Kebangsaan ini di negeri Johor. Karnival Sukan Kebangsaan KKM ini juga merupakan salah satu strategi bagi teras 1 dan teras 2 Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) menerusi komuniti.

Turut hadir YBhg Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia, YBrs. Dr. Haji Mohtar bin Pungut @ Haji Ahmad, Pengarah Kesihatan Negeri Johor, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Karnival Sukan Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2023 dan YBrs Dr. Ismuni bin Bohari, Pengarah Kesihatan Negeri Perlis merangkap Setiausaha Kehormat Majlis Sukan dan Kebajikan Kebangsaan KKM (MSK KKK).



# MAJLIS PENYERAHAN KLINIK KESIHATAN (JENIS 2) BANDARAYA MIRI, SARAWAK



Pada 27 Oktober 2023 YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Penyerahan Klinik Kesihatan (Jenis 2) Bandaraya Miri, Sarawak.

Projek pembinaan klinik di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Sarawak ini telah berjaya disiapkan pada 26 Jun 2023. Klinik Kesihatan (Jenis 2) Bandaraya Miri berkapasiti untuk menampung bilangan kehadiran sehari antara 500-800 orang ini dijangka akan mula beroperasi tahun 2024.

Turut hadir ialah YB Dato' Seri Lee Kim Shin, Menteri Pengangkutan Sarawak, YB Tuan Chiew Choon Man, Ahli Parlimen P219 Miri, YB Datuk Sebastian Tung Chiew Yew, Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan, YBrs. Tuan Haji Zairi bin Mat Ali, Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Pembangunan KKM dan YBrs. Ir Stephen Ung Neng Hui, Jurutera Bahagian Miri Jabatan Kerja Raya.





## PERASMIAN MAJLIS PELANCARAN KEMPEN YOU ARE WHAT YOU EAT COLOURS OF LIFE 2023

**Y**B Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Kempen 'You Are What You Eat: Colours of Life 2023' di AEON, Mall Shah Alam pada 9 November 2023i.

Kempen 'You Are What You Eat: Colours of Life 2023' ini merupakan salah satu inisiatif pasar raya *Aeon Co.* dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan pengambilan sayur dan buah dalam kalangan rakyat Malaysia adalah mencukupi berdasarkan Panduan Diet Malaysia 2020. KKM telah melantik *AEON Co.* sebagai salah sebuah pasar raya 'Nutri Hub' yang berperanan dalam membantu dalam aktiviti advokasi pemakanan di peringkat premis pasar raya.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg. Datuk Iskandar Bin Sarudin, Pengerusi *AEON Co. (M) Bhd.*, YBrs. Puan Rusidah Selamat, Pengarah Bahagian Pemakanan YBrs. Mr. Tsugutoshi Seko, Timbalan Pengarah Urusan *AEON Co. (M) Bhd.*



# SESI TAKLIMAT DAN LIBAT URUS SKIM PERUBATAN MADANI BERSAMA PENGAMAL-PENGAMAL PERUBATAN SWASTA

Pada 12 November 2023, YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah hadir ke sesi taklimat dan libat urus Skim Perubatan Madani bersama pengamal-pengamal Perubatan Swasta di Hotel Dynasty, Miri, Sarawak.

Skim Perubatan MADANI merupakan satu inisiatif oleh Kerajaan Malaysia melalui KKM yang diperkenalkan bagi menampung keperluan kesihatan golongan B40 bagi rawatan sakit-sakit ringan bermula 15 Jun 2023 secara rintis di beberapa buah kawasan. KKM telah memperluaskan liputan lokasi skim ini ke seluruh negara pada 15 September 2023 kepada Kumpulan B40. Dato Lukanisman turut menekankan bahawa KKM akan terus berusaha untuk meningkatkan akses perkhidmatan penjagaan kesihatan secara mampan dan saksama, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan meningkatkan penglibatan Klinik Swasta (GP) untuk penjagaan akut di peringkat primer, melalui Kerjasama Awam-Swasta.

Turut hadir Dr. Wong Siew Yu, Pengarah Hospital Miri, Dr. Wong Yong Kai, Wakil Pejabat Kesihatan Bahagian Miri dan Dr. Maslina Mahli, Wakil Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS).



# PERASMIAN MINI-CONNECTATHON PROJEK HEALTH INFORMATION EXCHANGE (HIE)



YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan *Mini-Connectathon Projek Health Information Exchange (HIE)* di Bangi, Selangor pada 16 november 2023.

Objektif aktiviti *Mini-Connectathon HIE* adalah melaksanakan pengujian keboleheroperasian (*'interoperability'*) secara langsung (*'live'*) ke atas sistem maklumat berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan (*'Implementation Guide'*) secara berkesan dan selamat dalam persekitaran yang terkawal. Projek *Health Information Exchange (HIE)* merupakan salah satu dari Projek Pelaksanaan *'Electronic Medical Record' (EMR)* di Hospital dan Klinik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pelaksanaan projek ini dapat menyokong hasrat KKM untuk merealisasikan Sistem Maklumat Kesihatan Bersepadu dalam sektor kesihatan.

Turut hadir YBhg Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, YBhg Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg Dato' Dr Harlina binti Abdul Rashid, Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan dan YBhg Dato' Dr Mohd Azman bin Yacob, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM.



# MAJLIS PELANCARAN HASIL DAPATAN TINJAUAN MATA KEBANGSAAN KETIGA (NATIONAL EYE SURVEY III) DAN PROGRAM SARINGAN MATA KAKITANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Pada 17 November 2023, YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Hasil Dapatan Tinjauan Mata Kebangsaan Ketiga (National Eye Survey III) dan Program Saringan Mata Kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia di Putrajaya.

Tinjauan Mata Kebangsaan merupakan inisiatif KKM dalam mengenalpasti kebutaan dan masalah penglihatan di kalangan rakyat Malaysia. Pada tahun ini Tinjauan Mata Kebangsaan III telah dijalankan pada bulan Julai hingga Oktober 2023 di dua zon iaitu Zon Sarawak dan Zon Timur. Saringan mata ini adalah selari dengan tema Hari Penglihatan Sedunia 2023 iaitu Sayangi Mata Anda di Tempat Kerja dan turut diadakan pemeriksaan mata percuma khusus untuk kakitangan di KKM.



Turut hadir adalah YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg. Datuk Dr Nor Fariza binti Ngah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), YBrs. Dr Mohd Aziz bin Husni, Ketua Kepakaran Oftalmologi Kebangsaan dan YBrs. Dr Mohamad Aziz bin Salowi, Penyelidik utama Tinjauan Mata Kebangsaan ketiga.



# MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-15 *PINK UNITY*

Pada 18 November 2023, YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah hadir merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-15 *Pink Unity* di Subang, Selangor.

*Pink Unity* merupakan kumpulan sokongan kanser wanita Malaysia dengan misi menyatukan pesakit-pesakit kanser wanita dan pesakit kanser yang baru didiagnosis untuk menentang kanser. Kumpulan sokongan ini telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah naungan Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia. Dengan tema sambutan tahun ini “*From Strength to Strength*”, *Pink Unity* menyatukan ikatan di kalangan ahlinya dalam perjuangan melawan kanser di samping berusaha menanamkan keberanian, kekuatan dan nilai positif di kalangan ahli supaya mereka dapat menjalani kehidupan sepenuhnya selaras dengan ‘tagline’ “*Giving Hope, Touching Hearts*”.

Turut hadir YBhg Dato’ Dr. Saunthari Somasundaram, Presiden Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia, YBrs. Puan Mahani Kassim, Presiden *Pink Unity*, YBhg Dato’ Seri Dr. Raymond Kuew, Presiden dan Pengasas *McMillan Woods*, YBhg Datuk Mohamad Farid Salim, Ketua Pegawai Operasi KPJ *Healthcare* Berhad dan Chef Dato’ Ismail Ahmad, Chef Selebriti & Pemilik Restoran *Rebung*.



# PERASMIAN HARI SIMPOSIUM PUSAT KECEMERLANGAN (COE) PENGAWASAN ANTIMIKROB (AMS)



YB Dato Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Hari Simposium Pusat Kecemerlangan (COE) Pengawasan Antimikrob (AMS) *bioMérieux – IHH Healthcare – Premier Integrated Labs (BMX-IHH-PIL)* di Hospital Pantai Kuala Lumpur pada 22 November 2023.

Simposium ini diadakan bagi tujuan perkongsian pengetahuan dan kepakaran antara pasukan AMS daripada kepakaran yang berbeza, untuk menangani ancaman Rintangan Antimikrob (AMR). AMR adalah kebimbangan kesihatan global utama yang menghalang keupayaan kita untuk merawat penyakit berjangkit biasa, penyakit berpanjangan, kos penjagaan kesihatan yang lebih tinggi, dan kematian. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyedari kesan negatif AMR dan kini giat melaksanakan pelbagai program di hospital-hospital yang terlibat. Pada tahun 2001, KKM secara rasmi telah menubuhkan Jawatankuasa Jangkitan dan Kawalan Antibiotik Kebangsaan untuk menyelaraskan kesemua program.



Turut hadir, YBhg. TYT Axel Cruau, Duta Besar Perancis ke Malaysia, YBrs. En. Mohd Hareeff Muhammed, Pengerusi Pusat Kecemerlangan (COE) *bioMérieux – IHH Healthcare – Premier Integrated Labs (BMX-IHH-PIL)* dan Dr. Mark Miller, Ketua Pegawai Perubatan, *bioMérieux*.





# MAJLIS PERASMIAN 7TH INTERNATIONAL ENDOSCOPY WORKSHOP



Pada 24 November 2023, YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian *7th International Endoscopy Workshop* di Hospital Queen Elizabeth (EndoQE).

Bengkel yang dilaksanakan oleh ahli jawatankuasa *EndoQE* 2023 ini adalah untuk menyediakan platform perbincangan dinamik, bertukar idea dan pendapat antara pakar-pakar selain membincangkan penambahbaikan baharu dalam bidang ini. *EndoQE* merupakan salah satu inisiatif bagi menyediakan latihan secara praktikal kepada jururawat endoskopi dan pembantu gastrointestinal daripada pakar-pakar dalam bidang tersebut.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr Asits bin Sanna, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, YBhg. Datuk Dr Kahar bin Abdul Asis, Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan) Negeri Sabah, YBrs. Dr. William Gotulis Pengarah Hospital *Queen Elizabeth* dan YBhg. Datuk Dr. Raman A/L Muthukaruppan Chettiar, Ketua Jabatan Perubatan dan Unit Gastroenterologi Hospital *Queen Elizabeth*.



# LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI KESIHATAN KE SABAH

**Y**B Dato Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan meneruskan siri lawatan kerja ke Sabah dengan mengadakan lawatan ke Hospital *Queen Elizabeth* dan Klinik Kesihatan Telipok.

Lawatan ini bertujuan melihat keadaan fasiliti yang memerlukan penambahbaikan bagi memberikan kemudahan dan keselesaan kepada petugas-petugas kesihatan .

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr Kahar bin Abdul Asis, Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan) Negeri Sabah, YBrs. Dr. Maria, Timbalan Pengarah Negeri Sabah (Kesihatan Awam) dan YBrs. Dr. Prabakaran Dhanaraj, Pakar Perubatan Kesihatan Awam.

## HOSPITAL QUEEN ELIZABETH



## KLINIK KESIHATAN TELIPOK




# PERASMIAN EKSPLO ANTARABANGSA PERUBATAN TRADISIONAL & KOMPLEMENTARI DAN PRODUK MAKANAN KESIHATAN MALAYSIA 2023

Pada 1 Disember 2023, YB Dato Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah hadir merasmikan Ekspo Antarabangsa Perubatan Tradisional & Komplementari dan Produk Makanan Kesihatan Malaysia 2023 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Ekspo ini menampilkan peserta dari pelbagai negara-negara jiran di seluruh Asia termasuk Indonesia, Brunei, Jepun dan juga China. Tujuan utama ekspo ini diadakan adalah untuk berkongsi dan meneroka peluang secara global di antara negara jiran berkaitan Perubatan Tradisional dan Komplementari (T&CM) yang berupaya memberi nilai tambah dalam perkhidmatan perubatan negara. Di Malaysia, perubatan tradisional kini dikawal selia di bawah Akta T&CM 2016 (Akta 775) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan tujuh jenis T&CM iaitu, Perubatan Tradisional Melayu (TMM), Perubatan Tradisional Cina (TCM), Perubatan Tradisional India (TIM), Homeopati, Kiropraktik, Osteopati, dan Amalan Perubatan Islam (IMP) sebagai amalan perubatan yang diiktiraf.

Turut hadir, YBhg. Datuk Ho Teck Keun, Presiden Persatuan Produk Makanan Tradisional dan Kesihatan Malaysia-China, YBhg. Dato' Chong Chong Tik, Pengarah Urusan *ES International Event* Pengurusan Sdn. Bhd., YBhg. Puan Sri Dr. Susan Cheah, Wakil Kumpulan Pameran Jabatan Perdagangan Wilayah Zhejiang dan YBrs. En. Boon Yip Heng, Presiden Persekutuan Persatuan Perubatan dan Perubatan Cina Malaysia.



# MAJLIS PENGANUGERAHAN DAN PENUTUP KEMPEN KESEDARAN *THALASSAEMIA* 2023

Majlis Penganugerahan dan Penutup Kempen Kesedaran *Thalassaemia* 2023 atau lebih dikenali sebagai Kempen 'NowyouSEEme 3.0' telah diadakan pada 7 Disember 2023 di Kompleks F, Putrajaya pada 7 Disember 2023.

Kempen *NowyouSEEme* 3.0 ini merupakan hasil kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia bersama rakan strategik Kementerian Pendidikan Malaysia dan *Hibiscus Petroleum* Berhad. Menerusi kempen yang dilaksanakan oleh warga sekolah, kebolehan dan keyakinan murid digilap untuk menjadi duta kesihatan bagi menyampaikan maklumat *Thalassaemia* kepada rakan sebaya. Mesej utama yang perlu disampaikan adalah penyakit genetik ini boleh dicegah dan bukan penyakit berjangkit. Kempen ini dapat memupuk kesedaran murid sekolah menengah khususnya murid Tingkatan 3 dan 4 tentang *Thalassaemia* supaya mereka lebih bersedia menjalani ujian saringan di sekolah.

Turut hadir ialah YBhg. Datuk Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBrs. Dr. Mohd Safiee bin Ismail, Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, YBrs. Hajah Salmah binti Jopri, Pengarah Bahagian Profesionalisme Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, dan YBrs. Puan Zaidah binti Ibrahim, Pengarah *Hibiscus Petroleum* Berhad.





## MAJLIS ANUGERAH MEDIA PELANCONGAN PERUBATAN (MTMA) 2023

Pada 14 Disember 2023, YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan perasmian Majlis Anugerah Media Pelancongan Perubatan (MTMA) 2023, anjuran Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) di Kuala Lumpur baru- baru ini.

Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) bertanggungjawab bagi memudahcara dan mempromosikan industri pelancongan penjagaan kesihatan negara, yang diiktiraf sebagai salah satu penyumbang kepada sektor perkhidmatan eksport negara. Ditubuhkan pada 2009, MHTC berusaha untuk memperkemas pemain industri dan penyedia perkhidmatan dalam membantu dan mengembangkan industri pelancongan penjagaan kesihatan Malaysia di bawah jenama “Penjagaan Kesihatan Malaysia” yang bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi penjagaan kesihatan antarabangsa terkemuka. Anugerah Media Pelancongan Perubatan merupakan satu inisiatif Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC), berdedikasi untuk mengiktiraf sumbangan kewartawanan dan media yang cemerlang dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perubatan utama.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan Ketua Pengarah Kesihatan, YBrs. Dr. Mohamed Ali Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif MHTC dan YBhg. Datuk Suhaimi Sulaiman, Ketua Pengarah Penyiaran.



# MAJLIS PELANCARAN SIRI PANDUAN DIET MALAYSIA DAN INISIATIF *HEALTHY EATING RESPONSIBILITY FOR WOMEN* ATAU “HER”

Y Bhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan telah merasmikan Majlis Pelancaran Siri Panduan Diet Malaysia dan *Inisiatif Healthy Eating Responsibility for Women* atau “HER” di Putrajaya pada 2 Oktober 2023.

Bertemakan ‘*Healthy Eating for All*’, program ini merupakan advokasi awal mengenai penerbitan siri Panduan Diet Malaysia dan Inisiatif *HER* yang merupakan antara usaha untuk mencegah dan mengawal masalah beban berganda mal pemakanan dan penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan dalam negara. Manakala, Inisiatif *HER* pula dibentuk sebagai kesinambungan dan terjemahan kepada Panduan Diet Malaysia untuk Maternal bagi mencegah dan mengatasi masalah pemakanan yang berlaku dalam kalangan wanita umur reproduktif (15 - 49 tahun).

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBrS. Emeritus Prof. Dr. Mohd Ismail Noor, Pengerusi Kumpulan Kerja Teknikal Garis Panduan Pemakanan.





## PERASMIAN KONVENSYEN MYCHAMPION@KKM PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

**Y**Bhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan merasmikan Konvensyen MyCHAMPION@KKM Peringkat Kebangsaan 2023 di Subang Jaya pada 15 Oktober 2023.

Konvensyen ini merupakan konvensyen pertama yang dianjurkan bersama sukarelawan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menggabungkan pasukan Sukarelawan “Communication for Behavioural Impact” (COMBI), Sukarelawan Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN), Sukarelawan Duta Kenali Ubat Anda (DKUA), Sukarelawan Ikon Gigi (IGG), Sukarelawan Panel Penasihat Klinik Pergigian (PPKK) dan Sukarelawan Wakil Kesihatan Kampung (WKK). Sejak dilancarkan pada 26 Mac 2022 yang lalu, KKM kini mempunyai seramai 53,556 sukarelawan yang bernaung di bawah payung MyCHAMPION.

Seramai 700 sukarelawan dan penyelaras MyCHAMPION kebangsaan dan negeri dari seluruh negara menghadiri konvensyen pada kali ini yang akan mendedahkan mereka kepada pengetahuan mengenai amalan terbaik projek inovasi sosial yang dapat dijadikan panduan untuk pelaksanaan program dalam komuniti.



# MAJLIS PENUTUP KONVENSYEN PERSEKUTUAN PERSATUAN PERUBATAN ISLAM (FIMA)



Pada 29 Oktober 2023, YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan menyempurnakan Majlis Penutup Konvensyen Persekutuan Persatuan Perubatan Islam (FIMA) sempena Persidangan Saintifik Tahunan Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM) ke-24 2023.

Bertemakan 'Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) di Dunia Islam', persidangan ini menekankan kepentingan NCD kepada beban penjagaan kesihatan global dan peranannya sebagai punca utama kematian pramatang di seluruh dunia. Persidangan yang berlangsung selama 5 hari ini melibatkan penceramah dari sektor penjagaan kesihatan Malaysia dan Persatuan Perubatan Islam antarabangsa serta meliputi pelbagai topik dalam perubatan Islam seperti etika, pendidikan, penyelidikan, inovasi, kepimpinan, dan usaha kemanusiaan.

Turut hadir Prof Dr Abdul Rashid Abdul Rahman, Presiden Persekutuan Persatuan Perubatan Islam (FIMA), Dr Muhammad Yusri Musa, Presiden Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM), EXCOS FIMA, IMAM dan delegasi Konvensyen Saintifik FIMA.





# LAWATAN KERJA YBHG. DATO' SERI KETUA SETIAUSAHA BAGI MENINJAU PERKEMBANGAN PROJEK PEMBAIKAN KLINIK DAN FASILITI DAIF



Pada 6 Oktober 2023, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan lawatan kerja bagi meninjau perkembangan Projek Pembaikan Klinik dan Fasiliti Daif di Negeri Selangor.

Klinik ini hanya menyediakan perkhidmatan klinik ibu dan anak meliputi kawasan sekitar Desa Pinggiran Putra dan Kampung Desa Putra. Klinik Desa ini sedang dinaik taraf kepada Klinik Kesihatan yang akan menyediakan pelbagai perkhidmatan kesihatan seperti Klinik Pesakit Luar, Saringan Kesihatan dan farmasi. Antara perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan adalah Klinik Pesakit Luar, Klinik Kecemasan, Saringan Kesihatan dan farmasi.

Turut hadir dalam lawatan ini ialah YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) dan YBhg. Dato' Indera Dr. Sha'ari bin Ngadiman, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor dan YBrs. Dr Mohd Safiee bin Ismail, Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga.





## MAJLIS ANUGERAH BIRO PENGADUAN AWAM (BPA) TAHUN 2023

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima Anugerah Cemerlang Pengurusan Aduan Awam bagi tahun 2022. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) dalam Majlis Anugerah Biro Pengaduan Awam (BPA) Tahun 2023 yang diadakan pada 10 Oktober 2023 di Hotel *Everly*, Putrajaya

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha telah hadir ke Majlis tersebut untuk menerima anugerah cemerlang tersebut. Majlis ini bertujuan untuk mengiktiraf pencapaian cemerlang kementerian-kementerian yang telah berusaha gigih memastikan pengurusan aduan dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Sebanyak sembilan (9) Kementerian yang telah memperoleh pencapaian cemerlang dipilih sebagai penerima anugerah pada tahun ini termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia.



# MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL KEPADA PETUGAS KESIHATAN YANG MENINGGAL DUNIA AKIBAT PANDEMIK COVID-19 DAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW TAHUN TAHUN 1445H/2023M

Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Kepada Petugas Kesihatan Yang Meninggal Dunia Akibat Pandemi *Covid-19* dan Sambutan Maulidur Rasul SAW Tahun tahun 1445 H/2023M peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diadakan di Ibu pejabat KKM, Putrajaya pada 18 Oktober 2023.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Kawalan Penyakit KKM, jumlah petugas kesihatan yang meninggal dunia disebabkan *Covid-19* bagi tahun 2020-2022 adalah seramai 33 orang. Justeru, KKM mengambil inisiatif mengadakan Majlis bacaan Yasin dan Tahlil bagi memperingati jasa dan pengorbanan mereka yang mempertaruhkan nyawa demi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Majlis turut diserikan dengan ceramah Maulidur Rasul SAW dan Selawat Perdana yang disampaikan oleh Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid.

Turut hadir YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) dan YBhg. Dato' Zainal Alhakab bin Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan).



# LAWATAN KERJA YBHG. DATO KSU KE HOSPITAL SELAYANG

Pada 20 Oktober 2023 YBhg Dato' Seri Ir. Dr Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha KKM telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Selayang.

Ketibaan Dato' Seri KSU telah disambut oleh Dr Afidah binti Ali, Pengarah Hospital Selayang bersama YBhg Dato' Indera Dr Sha'ari bin Ngadiman, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor. Beliau telah diberikan taklimat ringkas berkaitan operasi perkhidmatan kesihatan Hospital Selayang dan seterusnya dibawa melawat dan meninjau lokasi parkir yang menggunakan Sistem Parkir Mekanikal Fasa 1 yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2023.

Turut hadir YBhg Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg Dato' Dr Asmayani binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBrs Dr Nor Hayati binti Ibrahim, Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Perkembangan Perubatan KKM dan Tn. Hj. Zairi bin Mat Ali, Setiausaha Bahagian Pembangunan KKM.





## ISTIADAT KONVOKESYEN INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (ILKKM) 2023 ZON SEMENANJUNG SIDANG 2

Istiadat Konvokesyen Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) 2023 Zon Semenanjung diteruskan lagi pada Sidang 2 dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 21 Oktober 2023.

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang telah menyerahkan sijil kepada 827 graduan daripada pelbagai bidang. Graduan yang menerima skrol pada hari ini terdiri dari 42 program pengajian iaitu 2 program Sijil, 10 program Diploma, 1 program Diploma (Peralihan), 14 program Sijil Pos Basik dan 15 program Diploma Lanjutan.

Turut hadir YBrs. Puan Nadiyah binti Ismail, Timbalan Setiausaha (Institut Latihan) Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia, YBrs. Encik Azlan bin Ahmad Timbalan Setiausaha (Operasi Latihan) Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia, YBrs. Puan Hadzrul Hani binti Masbob Timbalan Setiausaha (Dasar Latihan) Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan YBrs. En. Robert Wong, Pengarah Institut Latihan KKM Sungai Buloh.



# SESI LIBAT URUS BERSAMA PIHAK FASILITI KESIHATAN SWASTA, FARMASI KOMUNITI, PENYEDIA INSURANS DAN PENGGUNA



Pada 2 November 2023, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia mempengerusikan Sesi Libat Urus bersama pihak Fasiliti Kesihatan Swasta, Farmasi Komuniti, Penyedia Insurans dan Pengguna di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan, Putrajaya.

Sesi Libat Urus ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan cadangan sejajar dengan saranan Perdana Menteri agar harga jualan ubat-ubatan dipaparkan supaya rakyat boleh mendapat manfaat dan membuat pilihan secara lebih telus.

Turut hadir bersama adalah YBrs. Puan Norhaliza binti Halim, Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia dan YBrs. Puan Wan Noraimi binti Wan Ibrahim, Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia







